Air Selangor

*Borang diberi PERCUMA*

# BORANG PERMOHONAN
## PERKHIDMATAN PEMBAIKAN PAIP DALAMAN UNTUK GOLONGAN KURANG MAMPU

**Arahan kepada pemohon:**
Sila lengkapkan butiran yang dikehendaki di dalam borang ini dengan tepat dan betul. Mana-mana maklumat atau senarai yang **TIDAK LENGKAP**, borang permohonan **TIDAK AKAN DITERIMA** untuk diproses bagi tujuan pendaftaran.

**Syarat–syarat kelayakan permohonan:**
Program perkhidmatan pembaikan paip dalaman untuk golongan kurang mampu ini terbuka kepada warganegara Malaysia yang menetap di Negeri Selangor,Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya berdasarkan syarat-syarat kelayakan di bawah;

i. Pemohon berpendapatan bulanan isi rumah sebanyak RM3,561.00 ke bawah.
*Sila sertakan bersama dokumen sokongan yang berkaitan. (Contoh: Slip gaji)*
ii. Pemohon yang memiliki atau menyewa kediaman dengan bil air yang berdaftar dengan Air Selangor.

## A. MAKLUMAT PEMOHON

**Nama** ☐

**No. K/P / Polis / Tentera** ☐ **No. Telefon Bimbit** ☐

**No. Akaun Air (10 Digit)** ☐☐☐☐☐☐☐☐☐☐ **Status Perkahwinan** ☐ **Bujang** ☐ **Kahwin**

**Alamat emel** ☐ **Pendapatan Bulanan (RM)** ☐

**Status Pemilikan Premis : Sila tandakan (√) pada pilihan** ☐ **Pemilik** ☐ **Penyewa**

**Alamat Premis (Seperti tertera di bil air)** ☐ **Poskod** ☐ **Negeri** ☐

## B. MAKLUMAT KEDIAMAN

**Nyatakan kategori pembangunan rumah anda:**

☐ **Projek Perumahan Rakyat** ☐ **Perumahan Kos Rendah** ☐ **Projek Luar** ☐ **Bandar Lain-Lain**

**Nyatakan jenis kerosakan paip dalaman :** ____________________
*(Sila lampirkan gambar sebagai sokongan)*

**Nyatakan tempoh kerosakan tersebut :** ☐ **Bulan**

## C. PERAKUAN PEMOHON (WAJIB DIISI)

**NOTA PRIVASI & PEMBERITAHUAN**
**Sila tandakan (√ ) :**

☐ Saya dengan ini memberi kebenaran kepada Air Selangor untuk memproses data peribadi yang saya kemukakan di dalam borang permohonan ini, termasuk mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan serta menzahirkan data peribadi saya kepada mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Air Selangor selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan perundangan subsidiarinya bagi tujuan Program dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

☐ Saya dengan ini mengakui bahawa segala maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan ini adalah **BENAR** dan memberikan kebenaran kepada pihak Air Selangor untuk membuat semakan data butir-butir peribadi saya bagi memproses permohonan ini.

**Tandatangan** *(Pemohon)* ______________

**Tarikh** ____ / ____ / ____

## D. UNTUK KEGUNAAN PEJABAT AIR SELANGOR

| **Diterima oleh:** **(Jabatan Komunikasi Korporat)** | **Disemak dan dIsahkan oleh Ketua Wilayah:** ______ | **Diluluskan Oleh:** **(Ketua Jabatan Komunikasi Korporat)** |
|---|---|---|
| **Tandatangan** | **Tandatangan** | **Tandatangan** |
| **Nama** | **Nama** | **Nama** |
| **Tarikh** __ / __ / __ | **Tarikh** __ / __ / __ | **Tarikh** __ / __ / __ |
| | **Semakan kelayakan:** ☐ **Lengkap** ☐ **Tidak Lengkap** | **Anggaran kos** **RM** ☐ **Lulus** ☐ **Tidak Lulus** |

**Terma dan Syarat:**

i. Keutamaan akan diberikan kepada Perumahan Kos Rendah (pangsapuri atau teres) dan Perumahan Luar Bandar.

ii. Borang permohonan program boleh dimuat turun atau diperolehi melalui saluran berikut:
- Laman sesawang ***www.airselangor.com/about-us/sesama-mara***
- Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

iii. Pemohon yang berjaya akan dihubungi melalui nombor telefon atau emel yang didaftarkan semasa proses pendaftaran program. Pemohon hanya layak menerima bantuan sekali sahaja.

iv. Borang permohonan yang telah lengkap boleh dihantar melalui emel ***wecare@airselangor.com*** atau melalui mana-mana Kaunter Perkhidmatan Pelanggan di sepuluh (10) pejabat wilayah Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

v. Kos perkhidmatan pembaikan paip dalaman di kediaman individu akan ditanggung berdasarkan pertimbangan bagi setiap kerja pembaikan yang dibuat oleh Air Selangor. Kerja - kerja pembaikan akan dilakukan oleh kontraktor bertauliah dan berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

vi. Perkhidmatan pembaikan paip dalaman untuk golongan kurang mampu dan maklumat berhubung pendaftaran permohonan dihebahkan kepada umum melalui media massa, risalah, laman sesawang dan platform media sosial Air Selangor.

vii. Air Selangor, kakitangan, agen dan/atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang tuntutan oleh pemohon atau mana-mana pihak ketiga untuk kerugian atau kerosakan dalam apa jua bentuk, termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan keuntungan, kerosakan harta, kecederaan diri atau kematian atau apa-apa ganti rugi lain dan apa-apa tuntutan yang berkaitan dengan apa-apa jenis, termasuk ganti rugi langsung, tidak langsung, pihak ketiga, berbangkit atau lain-lain akibat daripada atau berkaitan dengan penyertaan dalam Program.

viii. Dengan menyertai perkhidmatan ini, pemohon telah bersetuju dengan terma dan syarat program ini ("Terma dan Syarat"). Air Selangor berhak mengikut budi bicara mutlak tanpa liabiliti, dari semasa ke semasa, untuk mengubah, menambah, membuang atau mengubahsuai Terma dan Syarat program ini atau mana-mana bahagian darinya dan/atau menarik balik atau membatalkan program dan penyertaan tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

ix. Dengan perkhidmatan ini, pemohon membenarkan Air Selangor dan Air Selangor berhak untuk menggunakan nama, butiran peribadi dan gambar peserta untuk tujuan pengiklanan dan publisiti, menurut peruntukan perundangan berkaitan, tanpa membayar sebarang kos atau pampasan.

x. Terma dan Syarat program ini akan mengatasi mana-mana peruntukan atau kenyataan berkaitan program ini yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi sama ada bercetak atau elektronik.

xi. Saya dengan ini memberi kebenaran kepada Air Selangor untuk memproses data peribadi yang saya kemukakan di dalam borang permohonan ini, termasuk mengumpul, merekod, memegang atau menyimpan serta menzahirkan data peribadi saya kepada mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Air Selangor selaras dengan peruntukan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan perundangan subsidiarinya bagi tujuan Program dan hal-hal yang berkaitan dengannya.

xii. Terma dan Syarat program ini adalah tertakluk pada undang-undang Malaysia.

xiii. **Tarikh tutup permohonan adalah pada 31 Disember 2020** atau sehingga kuota dipenuhi.